



21 Disember 2011
21 December 2011
P.U. (A) 413

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2011

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(CITY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2011

BAHAWASANYA melalui Notis di bawah subseksyen 70(2) [*P.U. (B) 519/2011*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 3 Oktober 2011, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, Dato Bandar Kuala Lumpur, setelah berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 Disember 2011.

Larangan

2. Pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Tempoh larangan</i>
Sebahagian Jalan Shelly dari persimpangannya dengan Jalan Cochrane hingga ke persimpangannya dengan Jalan Menteri sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	i) Kenderaan dari Jalan Peel menghala ke Jalan Cochrane hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	21 Disember 2011 hingga 20 Mac 2016
	ii) Kenderaan dari Jalan Cochrane menghala ke Jalan Peel hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	